

Majalah Urban Nombor 1

Ogos 2012

EH!

www.eh.com.my

RITA
RUDAINI
“Berpisah atau
tidak, terserah
pada-Nya”

Ramadan,
Raya &
Merdeka
250+


ILHAM FESYEN & SOLEKAN,
GAYA KLASIK HINGGA TERKINI

KISAH BENAR

CAHAYA
SYAWAL
TERLINDUNG
DUKA

TIP RAWAT &
LINDUNG KULIT
BERMINYAK

MALAYSIA RM17 SINGAPURA \$3.50
08
9 7771511 563001

EH! berita +fesyen



GIORDANO DISNEY

Bagi yang berjiwa muda, ayuh, dapatkan koleksi terkini daripada Giordano iaitu Disney Collection by Giordano. Kolaborasi khas Giordano dengan Disney mempamerkan himpunan pakaian dan beg yang diinspirasikan oleh watak-watak terkenal Disney iaitu Mickey Mouse, Minnie Mouse, Donald Duck dan Goofy. Elemen hitam/putih, polka dot, jalur dan dwiwarna, sememangnya bakal mewarnai gerobok anda!



JEEP Jeep Apparel mengambil langkah aktif penjagaan persekitaran dengan melancarkan World Environment Day Charity Drive. Ia adalah satu kolaborasi dengan Malaysian Nature Society (MNS) dan direka untuk meningkatkan pengetahuan dan menggalakkan pengguna untuk hidup secara lebih 'hijau'. Malah, Jeep Apparel juga bakal melancarkan koleksi terkini yang mengambil inspirasi daripada gaya vintaj Jeep Willys. Sebagai langkah untuk menyokong MNS, Jeep Apparel akan menderma lima peratus daripada hasil jualan kepada dana bantuan MNS Green untuk kempen alam sekitar.

Flight 001

Melebarkan sayapnya dengan pembukaan butik di Bangsar Village II. Pembukaan butik dimeriahkan dengan model memakai pakaian pramugara dan pramugari inspirasi Pam Am serta pertunjukan fesyen koleksi pakaian daripada Ellesse, Sanuk dan Native. Koleksi FLIGHT 001 kini juga boleh didapati di e-Curve Mall, Petaling Jaya.



SEIKO Seiko Criteria memperkenalkan himpunan jam tangan mesra alam untuk si jejaka yang ingin tampil bergaya. Jam tangan tersebut dilengkapkan dengan panel solar untuk menyerap cahaya dan tidak menggunakan bateri. Ia mampu bertahan selama enam bulan! Malah, ia juga kalis air dan sesuai untuk semua jenis sukan termasuk aktiviti dalam air. Setiap jam tangan Seiko Criteria dilengkap dengan permukaan nilam kristal kaca untuk gaya yang penuh cekap dan tangkas.



THE TRAVEL STORE Kembali mengembara dengan bagasi, pakaian musim sejuk dan aksesori terkini daripada The Travel Store. Pertunjukan fesyen diadakan baru-baru ini untuk menonjolkan koleksi bagasi termasuk untuk jenama Lojel, Eminent, Vaude, Mark Fairwhale, Stream Trail dan Boblbee manakala koleksi pakaian musim sejuk daripada jenama Vaude. Gaya moden dan penuh inovatif jenama The Travel Store mampu menyediakan keselesaan bagi mereka yang gemar mengembara.

